

# KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP UniMAP 2009

Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP 2009 kembali lagi di mana kejohanan edisi kali ke 5 ini telah diadakan pada 26 Februari hingga 1 Mac 2009 yang berlangsung di Stadium Universiti Teknologi MARA Cawangan Kampus Arau. Kejohanan ini adalah merupakan kejohanan tahunan yang menggabungkan beberapa acara dan kategori. Kejohanan ini juga turut melibatkan kakitangan dan juga mahasiswa UniMAP yang dibahagikan kepada beberapa zon. Terdapat 16 acara yang dipertandingkan dan kejohanan ini turut sertai seramai 3000 orang pelajar dan 1000 orang kakitangan UniMAP. Tahun ini juga diperkenalkan kategori baru iaitu Kategori antarabangsa yang melibatkan mahasiswa-mahasiswi antarabangsa.

Perasmian penutupan kejohanan ini telah disempurnakan oleh Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalulail dengan penuh gemilangnya.

Pencapaian	Kategori Staf	Kategori Pelajar
Johan	Pink	Unggu
Naib Johan	Putih	Biru muda
Ketiga	Emas	Kuning
Keempat	Coklat	Jingga

Ia turut turut dihadiri oleh Y.Bhg Brig. Jen. Dato Prof. Dr. Kamaruddin Hussin, Naib Canselor UniMAP. Kejohanan ini melibatkan 4 buah rumah sukan untuk kakitangan iaitu rumah iaitu Rumah Pink (Canselori, Pusat Sukan & Jabatan Pembangunan), Rumah Putih (Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Kolej Kediaman, PALAPES dan Jabatan ICT), Rumah Emas (Jabatan Keselamatan, Jabatan Pendaftar, Bendahari dan Perpustakaan) serta Rumah Coklat (Semua Pusat Pengajian, Pusat Kejuruteraan dan PKKK). Manakala kategori pelajar terdiri daripada 8 buah rumah sukan untuk setiap pusat pengajian.

Terdapat beberapa acara sampingan yang turut diadakan seperti Acara Rumah tercantik, Perarakan Terbaik dan juga acara 10 x 50 meter VVIP. Berikut adalah keputusan pertandingan :

Kategori	Peserta
Olahragawan Veteran	Abd Rashid Mahamoud
Olahragawati Veteran	Zuraida Desa
Olahragawan Staf lelaki	Amirul Shafi Bin Nordin
Olahragawati Staf Wanita	Roseazlina Bt Mustafa
Olahragawan Siswa Lelaki	Theban Raj A/I Mutusamy
Olahragawati Siswa Wanita	Nurul Husna Bt Mohd Zubir
Rumah Tercantik Pelajar	Kuning
Rumah Tercantik Staf	Putih
Perbarisan Terbaik	Jingga
Maskot Terbaik	Jingga